



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	8/10/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	TNB			

Sebanyak RM426 juta pembiayaan penajaan pendidikan dari tahun 2018

Kosmo, 8 Okt
2021_12

TNB taja biasiswa 93 pelajar baharu

Oleh NABIL AIMAN NOR AZWAN

PETALING JAYA – Tenaga Nasional Berhad (TNB), menerusi Yayasan Tenaga Nasional (YTN) meneruskan pembangunan modal insan negara dengan menganugerahkan biasiswa kepada 93 pelajar untuk melanjutkan pelajaran di universiti tempatan dan luar negara.

Menteri Tenaga dan sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, usaha murni ini sebagai manifestasi hubungan bermakna rakyat bersama TNB dan beliau juga merakamkan penghargaan kepada usaha TNB yang bersama-sama membantu kerajaan.

"Bagi pihak kerajaan Persekutuan, saya merakamkan penghargaan kepada TNB atas usaha bersama-sama membantu kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat, terutamanya selepas negara menghadapi pandemik Covid-19 yang masih belum berakhir pada masa ini.

"Saya difahamkan TNB mela-



TAKIYUDDIN (belakang, dua dari kiri) bersama Baharin (belakang, dua dari kanan) bersama beberapa penerima biasiswa di Majlis Penganugerahan Biasiswa YTN 2021 di Bangi baru-baru ini.

lui YTN telah membelanjakan RM426 juta dalam tempoh 'regulatory period' (RP2) dari tahun 2018

hingga Julai 2021 untuk pembiayaan penajaan pendidikan biasiswa," katanya pada Majlis Peng-

anugerahan Biasiswa YTN 2021. Tambahnya, penajaan pendidikan oleh TNB sangat ber-

makna bagi membantu kerajaan meningkatkan taraf hidup rakyat, terutamanya pelajar golongan berpendapatan rendah, B40.

"Inisiatif TNB untuk sentiasa bersama-sama rakyat dalam hal pendidikan ini adalah usaha murni yang sarat dengan nilai-nilai keprihatinan demi kesejahteraan negara secara umumnya.

"Ia juga merupakan manifestasi hubungan yang amat bermakna antara rakyat sebagai pelanggan kepada TNB, yang kaya dengan falsafah saling memakmurkan antara satu sama lain," tambahnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Ir. Baharin Din berkata, TNB komited untuk sentiasa membantu usaha kerajaan meningkatkan modal insan untuk pertumbuhan negara.

"Kami di TNB percaya bahawa menerusi peluang pendidikan, potensi modal insan akan dapat digilap dan seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan tahap hidup rakyat dan negara," ujarnya.